

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa kos ubah suai Sri Perdana Putrajaya melibatkan kos sebanyak RM38.5 juta, jelaskan skop kerja dan jumlah kos terlibat.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kompleks Kediaman Rasmi YAB Perdana Menteri (Kompleks Seri Perdana) telah dibina pada tahun 1997. Kompleks ini bukan sahaja digunakan sebagai tempat kediaman sahaja, malah di dalam kompleks berkenaan juga terletak beberapa bangunan dan ruang yang digunakan untuk majlis-majlis rasmi negara. Selain itu, kompleks ini juga akan digunakan untuk majlis-majlis bagi menyambut tetamu-tetamu utama dari luar negara.
2. Memandangkan kompleks ini telah menjangkau usia lebih daripada 20 tahun, keperluan penyelenggaraan adalah amat penting untuk memastikan semua fasiliti dan kemudahan di kompleks ini akan sentiasa terpelihara dalam keadaan yang baik dan kekal berfungsi sebagaimana yang dikehendaki. Tahap keselamatan (*safety & security*) kompleks ini juga perlu dititik beratkan melalui penyelenggaraan yang dijalankan dari semasa ke semasa.
3. Mutakhir ini, penetapan kos pengubahsuaian yang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) adalah sebanyak RM38.5 juta yang diperakukan oleh pakar teknikal dari JKR melibatkan kerja-kerja awalan, kerja-kerja bangunan, kerja-kerja pembaikan luaran, kerja-kerja elektrik & mekanikal dan kerja-kerja lanskap.

Sekian, terima kasih.